

Bab 2: Tinjauan kajian berkaitan

Dalam bab ini, penulis akan meninjau sedikit sebanyak tentang tinjauan kajian-kajian terhadap penulisan yang melihat sama ada dari segi produk atau dari segi proses, kajian metokognisi dan juga kajian penulisan dari perspektif metakognisi.

Tidak dapat dinafikan bahawa banyak kajian yang dilakukan oleh para penyelidik dalam bidang penulisan ini yang dilihat dari berbagai-bagai aspek . Di barat, kajian-kajian yang banyak dijalankan itu adalah ekoran daripada terbitnya satu artikel yang bertajuk "*Why Johny can't write*" yang tersiar jurnal Newsweek pada 8 Disember 1975 (Abdul Aziz, 1990).

Walau bagaimanapun, di Malaysia kajian masih banyak bertumpu kepada karangan sebagai satu produk dan yang dikaji adalah hasil karangan. Ini dapat dilihat daripada kajian yang dibuat oleh Khathijah Abd Hamid (1984) dan (1998), dan Loy In Tiau (1995).

Daripada tinjauan terhadap kajian-kajian ini penulis mendapati bahawa Khathijah (1984) telah membuat kajian terhadap hasil penulisan karangan iaitu analisis penggunaan sintaksis dalam karangan murid-murid tingkatan empat di sebuah sekolah. Manakala satu lagi kajian Khathijah (1998) adalah analisis kohesi dan koheren dalam karangan di sebuah sekolah yang melihat tautan antara ayat dalam karangan pelajar.

Loy In Tiau (1995) pula telah mengkaji tentang kebolehan mengarang di kalangan pelajar tingkatan enam rendah dalam penulisan karangan perbincangan. Kajian Loy ini juga telah melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti karangan dan kebolehan mengarang di kalangan pelajar.

Antara dapatan daripada kajian yang dijalankan termasuklah tentang faktor yang mempengaruhi kebolehan menulis karangan di kalangan pelajar iaitu faktor sosial dan psikologi dikatakan telah mempengaruhi kebolehan mengarang di kalangan pelajar. Daripada kajian Loy (1995) juga mendapati bahawa antara faktor-faktor yang

mempengaruhi kebolehan mengarang pelajar termasuklah faktor sikap negatif pelajar seperti kurang peka dengan isu semasa dan tidak minat terhadap penulisan. Faktor lain adalah kurangnya pengetahuan teknik asas penulisan dan kurang penguasaan bahasa, faktor psikologi misalnya tekanan ketika menghadapi peperiksaan.

Selain itu, faktor guru juga diambil kira misalnya guru kurang memberi latihan menyebabkan pelajar menghadapi masalah untuk mengarang. Faktor status sosioekonomi juga menjadi faktor penulisan pelajar. Pendapat ini juga disokong oleh Isahak (1977) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang tekal dan signifikan antara pencapaian murid-murid dengan kawasan kediaman mereka. Pencapaian ini termasuklah pencapaian bahasa. Apabila disebut pencapaian bahasa ini termasuklah pencapaian dari segi penulisan atau karangan kerana kemahiran menulis juga dipengaruhi kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.

Walau bagaimanapun, kajian oleh Juriah (1975) dan Asiah (1977) pula menunjukkan hubungan antara murid peringkat rendah dengan taraf sosioekonomi adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar peringkat tinggi (sekolah menengah).

Menurut Khathijah (1984) pula, faktor sosial dan alam sekeliling tidak sebegitu besar kesannya terhadap penguasaan bahasa terutama apabila murid-murid sudah mencapai peringkat persekolahan yang lebih tinggi.

Dengan yang demikian dapat dilihat bahawa fokus kajian banyak bertumpu kepada hasil penulisan. Sungguhpun demikian, terdapat sedikit kelainan dalam kajian yang dibuat oleh Yap Kim Fatt (1991). Kajian yang dibuat oleh beliau ini bersifat eksperimental yang melihat kesan sambutan interaktif penulisan karangan di kalangan pelajar tingkatan empat. Beliau telah menggunakan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan alat kajian seperti soal selidik dan juga menggunakan kaedah pemerhatian dan temuramah bagi memungut data. Kajian sebegini lebih mirip kepada kajian proses penulisan.

Selain itu, banyak lagi kajian yang dibuat terhadap penulisan ini. Di barat kajian penulisan karangan dari segi proses telah mula berkembang ekoran cadangan Emig (1971) dalam kajiannya terhadap proses menulis. Menurut Marohaini (1994) tumpuan kajian telah berubah iaitu daripada pemusatan terhadap hasil mengarang kepada proses mengarang. Pendapat ini disokong oleh Grabbe dan Kaplen (1996) yang menyatakan bahawa terdapat kontroversi antara penulisan sebagai hasil (*product*) dan penulisan sebagai proses dalam kajian-kajian pada sekitar tahun 1980-an.

Proses Penulisan

Kajian terhadap proses penulisan telah dicetus oleh Emig (1971) yang bersifat kualitatif. Ekoran dari kajian tersebut, ramai penyelidik terutama di barat telah membuka mata mereka terhadap kajian proses menulis. Antaranya termasuklah Mischel (1974), Stallard (1974), Perl (1979), Pianko (1979) dan Birnbaum (1982).

Dalam kajian Emig (1971), beliau telah menggunakan lapan orang sampel gred lapan. Kelapan-lapan orang sampel ini telah diberi tugas mengarang dan mereka telah diminta menyuarakan apa yang ada dalam pemikiran mereka semasa mengarang. Kaedah yang digunakan oleh Emig (1971) ini dipanggil sebagai "berfikir secara lantang" (*think aloud*). Kajian Emig (1971) mendapatkan bahawa perlakuan mengarang bagi karangan tajuk bebas mengambil masa yang lebih lama untuk sampel membuat perancangan manakala bagi karangan yang diberi tajuk oleh guru sampel tidak memerlukan masa yang lebih lama untuk merancang. Dapatan kajian Emig (1971), juga mendapatkan bahawa sampel juga membuat penelitian dan penyemakan semasa menulis. Terdapat sampelnya yang menulis rangka sebelum menulis.

Selepas kajian oleh Emig (1971) ini muncul pula penyelidik lain yang mengkaji proses menulis iaitu Mischel (1974). Dari segi sampel, kajian Mischel (1974) kecil sampelnya kerana melibatkan seorang sampel sahaja. Beliau telah menjalankan kajian terhadap seorang pelajar tahap sederhana. Pelajar tersebut telah diberi tugasan mengarang

dan diminta juga menyuarakan apa yang ada dalam fikirannya semasa menulis dengan teknik "think aloud" juga. Seperti juga kajian Emig, dapatan kajian Mischel (1974) juga menunjukkan sampel membuat penyemakan dan penelitian semasa menulis.

Selain itu, muncul pula Perl (1979) yang telah menjalankan kajian terhadap pelajar yang bermasalah dalam penulisan. Semasa menjalankan kajiannya, Perl (1979) telah memilih lima orang sampel dan beliau mengutip data melalui rakaman. Sampel kajiannya terdiri daripada mereka yang bermasalah dalam penulisan dan diberi tugas menulis dan meminta menyuarakan juga proses yang berlaku dalam fikirannya semasa menulis karangan. Memandangkan sampel kajian Perl (1979) terdiri daripada mereka yang bermasalah penulisan, dapatan menunjukkan bahawa terdapat strategi yang digunakan oleh sampel untuk memahami tajuk sebelum mula menulis. Selain itu, sampel bagi kajian Perl (1979) ini juga membuat penelitian dan penyemakan semasa menulis tetapi hanya menekankan aspek luaran sahaja seperti tanda bacaan dan ejaan.

Pianko (1979) juga telah menjalankan kajian terhadap proses menulis tetapi sampelnya terdiri daripada pelajar di institusi pengajian tinggi. Dalam kajian Pianko (1979), 17 orang sampelnya diminta menulis lima buah esei. Panjang bagi setiap esei adalah lebih kurang 400 patah perkataan. Tajuk yang perlu ditulis adalah diberi oleh penyelidik kecuali satu adalah bebas. Bagi mengutip data penyelidik membuat pemerhatian dan temubual. Kajian Pianko (1979) mendapati bahawa pelajar memerlukan masa bagi memulakan penulisan mereka. Dapatan kajiannya juga menunjukkan sampel membuat penyemakan dan penelitian semasa menulis dan aspek yang disemak dan diteliti adalah dari segi dalaman iaitu isi sebenar yang ingin disampaikan tetapi kurang menekankan aspek luaran seperti tanda bacaan dan ejaan.

Sama juga dengan kajian di Malaysia yang dibuat oleh Marohaini (1998) tentang perlakuan dan proses mengarang yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual terhadap empat orang sampel Melayu yang terdiri dari pelajar tingkatan empat. Bagi

melihat perlakuan mengarang, penyelidik telah membuat pemerhatian. Temu bual dibuat selepas sesi penulisan dan pelajar diminta menerangkan semula perlakuan mereka semasa mengarang berdasarkan pemerhatian. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat pelbagai subproses dalam perlakuan mengarang.

Kesemua penyelidik telah meminta sampel menulis karangan dan telah membuat pemerhatian semasa sampel menulis karangan serta menemubual sampel untuk menyuarakan apa yang ada dalam pemikiran mereka semasa menulis. Secara umumnya dapatan daripada kajian-kajian ini adalah terdapat pelbagai tahap dalam proses menulis yang bersifat rekursif iaitu merancang seperti membuat rangka, membuat penelitian dan penyemakan semasa menulis. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa sampel tidak menyatakan strategi dalam pemikiran mereka semasa mula mengarang dan hanya kajian Emig (1971) dapat dilihat bahawa pelajar menulis rangka. Selain itu, dapat diperhatikan bahawa penulis yang lebih baik memberi penekanan yang lebih kepada aspek dalaman iaitu apa yang sebenarnya ingin disampaikan tetapi penulis yang kurang baik akan memberi tumpuan kepada aspek luaran seperti cjaan dan tanda bacaan.

Daripada kajian-kajian yang telah dibuat ini, dapat dilihat bahawa sampel menyuarakan apa yang mereka fikir semasa menulis dengan teknik "*think aloud*" ini dibuat secara "*off-line*" iaitu penulis membuat refleksi terhadap pemikiran mereka dan menyuarakan apa yang telah difikirkan semasa menulis. Menurut English (1999), kaedah ini dikenali sebagai "*reflection-on-action*". Cara ini mungkin tidaklah mengganggu aliran idea semasa menulis tetapi sampel mungkin lupa tentang perkara yang difikirkan oleh mereka semasa menulis.

Jika diteliti daripada kajian-kajian yang telah dibuat oleh para penyelidik tarhadap proses menulis ini, ia tidak dapat lari dari konsep metakognisi. Hal ini disebabkan oleh teknik "*think aloud*" yang digunakan oleh penyelidik merupakan satu daripada strategi metakognisi. Seperti mana yang dinyatakan dalam definisi metakognisi dalam bab sebelum

ini iaitu "pemikiran tentang pemikiran" (Swartz, 1994), seseorang penulis yang menyuarakan apa yang mereka fikir semasa menulis bermaksud penulis itu memikirkan tentang pemikiran mereka semasa proses menulis dan menyuarakan pemikiran mereka itu melalui aktiviti "think aloud" yang merupakan satu dari pada strategi metakognitif. Walau bagaimanapun, para penyelidik tidak menyebutnya sebagai kajian metakognisi.

Tinjauan kajian metakognitif

Daripada tinjauan terhadap proses menulis, metakognisi dalam penulisan sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru. Walau bagaimanapun, penyelidik tidak menggelarkan sebagai kajian metakognitif walaupun unsur dan strategi metakognisi itu ada digunakan. Kajian metakognisi dalam penulisan ini seolah-olah baru berkembang iaitu dalam era penghujung tahun 1980-an dan 1990-an ini. Penulis menyatakan demikian kerana kajian metakognisi dalam penulisan ini agak ketandusan sebelum ini.

Kajian metakognisi sebelum ini banyak bertumpu kepada bidang-bidang lain dan dalam bidang bahasa pula kajian dibuat bagi kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan memaham, kemahiran mendengar, ejaan dan juga aspek lain dalam bahasa. Sebagai contoh kajian oleh Block dan Peskowitz (1990), kajian oleh Mohammad Haron (1993), Muthusamy (1994) dan Tobias (1995). Kajian Block dan Peskowitz (1990) melihat kebolehan pelajar mengeja dan tahap kesedaran pelajar terhadap kebolehan mereka mengeja. Block (1990) telah membuat kajian terhadap empat puluh orang sampel yang terdiri daripada pelajar yang berumur antara 9-11 tahun. Dalam kajian oleh Block dan Paskowitz (1990) ini, pada fasa pertama pelajar disebutkan dengan perkataan yang telah dipilih dan diminta mengeja dan menyatakan tentang kebolehan mereka untuk mengeja berdasarkan tiga skala iaitu 1 hingga 3 bagi menentukan kebolehan mereka mengeja. Pada fasa kedua pula pelajar diminta menyemak dan menentukan sama ada ejaannya itu betul atau salah dengan berdasarkan tiga skala juga. Block dan Peskowitz (1990) juga telah melihat perbezaan kadar keyakinan terhadap ketepatan ejaan antara kumpulan pelajar yang

disebutkan perkataan yang diberikan tetapi pelajar hanya membaca di dalam hati atau secara senyap dan meletakkan kadar keyakinan mereka dengan pelajar yang guru tidak menyebut perkataan tetapi sampel membaca atau menyebutnya secara kuat apabila ditunjukkan perkataannya.

Dapatkan bagi kajian Block dan Peskowitz (1990) menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara tahap keyakinan dengan pencapaian sebenar pelajar terhadap ejaaan mereka bagi kumpulan yang disebut oleh guru perkataannya dan pelajar menyebutnya secara senyap dan pelajar yang tidak disebutkan perkataannya tetapi mereka menyebutnya secara kuat. Tetapi tidak terdapat korelasi antara tahap keyakinan dengan pencapaian dalam ejaaan bagu kumpulan yang tidak disebut oleh guru perkataannya dan pelajar hanya menyebut secara senyap. Walau bagaimanapun, apabila digabungkan (*compute*) ketiga-tiga kumpulan , dapatan menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang tinggi antara tahap keyakinan dengan pencapaian sebenar pelajar dalam ejaaan.

Ini menunjukkan bahawa dalam ejaaan, pelajar akan dapat mengeja dengan betul dan yakin ejaaan mereka betul apabila pelajar disebutkan perkataan tersebut dan lebih-lebih lagi jika pelajar sendiri yang menyebutnya.

Sementara Mohammad Haron (1993) pula melihat pemahaman dan kesedaran pemahaman di kalangan pelajar dan sampel kajian Mohammad Haron pula terdiri daripada pelajar Melayu tingkatan tiga di sebuah sekolah agama seramai seratus tiga puluh dua orang pelajar. Dalam kajian oleh Mohammad Haron (1993) pula ini, beliau telah menggunakan prosedur kloz. Pelajar diberi petikan dan diminta mengisi tempat kosong di ruangan yang disediakan dan disertakan juga dengan ruang () bagi mereka meletakkan kadar keyakinan mereka terhadap setiap jawapan pemahaman mereka sama ada betul atau salah dengan menggunakan skala 1-4. 4 bagi yang sangat yakin bahawa jawapan adalah betul dan bagi 1 pula menunjukkan tahap keyakinan yang amat rendah.

Seperti juga kajian oleh Block dan Paskowitz (1990), pelajar dikehendaki meletakkan sendiri kadar keyakinan mereka terhadap jawapan pemahaman mereka. Ini bermakna pelajar menilai sendiri tahap kebolehan mereka untuk memaham dan juga tahap keyakinan mereka bahawa jawapan mereka adalah betul. Beliau juga melihat korelasi tahap pemahaman dengan kadar keyakinan terhadap pemahaman dan korelasi pemahaman dan kesedaran pemahaman dengan variabel-variabel lain seperti pencapaian Bahasa Melayu dan juga PMR. Di samping itu, penyelidik ini juga melihat perbezaan kesedaran antara pelajar lelaki dan perempuan.

Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat korelasi pemahaman dengan kesedaran pemahaman mereka, begitu juga, terdapat korelasi antara pemahaman dengan pencapaian Bahasa Melayu dan juga PMR. Walau bagaimanapun, tidak terdapat korelasi antara kesedaran pemahaman dengan pencapaian Bahasa Melayu maupun PMR. Bagi pelajar lelaki dan perempuan pula, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kesedaran pemahaman antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Walaupun kajian oleh Mohammad Haron (1993) ini agak *simple* tetapi ia telah menjadi perintis dan pencetus kapada kajian metakognisi di Malaysia ini. Dalam kajian Mohammad Haron (1998) yang lain, beliau mengkaji tentang pemahaman tetapi bukan sahaja pemahaman dalam bacaan tetapi juga pemahaman mendengar.

Tobias (1995), pula telah melihat hubungan antara minat pelajar dengan metakognisi (pemantauan kendiri) terhadap perbendaharaan kata. Sampel kajianya terdiri daripada seratus tiga puluh sembilan pelajar di kolej yang mengambil kursus kejururawatan dan pelajar yang belum membuat apa-apa pengkhususan. Petikan teks naratif dan ekspositori tentang penyakit jantung digunakan bagi melihat pemantauan sampel terhadap pengetahuan perbendaharaan kata mereka dan hubungannya dengan minat terhadap teks tersebut dengan andaian pelajar yang mengikuti kursus kejururawatan lebih berminat terhadap teks tersebut. Ujian perbendaharaan kata digunakan dan sampel dikehendaki

menentukan sendiri bahawa sesuatu perkataan itu diketahuinya atau tidak. Dapatan kajian ini adalah pelajar jurusan kejururawatan mendapat skor yang lebih tinggi dan begitu juga dari segi pemantauan kendiri tarhadap perbendaharaan kata. Selain itu, dapat juga dilihat bahawa terdapat hubungan antara minat dengan metakognisi.

Sementara itu, Muthusamy (1997) pula telah muncul dengan kajian bercorak eksperimental iaitu melihat kesan dua strategi metakognisi terhadap pemahaman bacaan. Strategi metakognisi yang digunakan oleh Muthusamy (1997) adalah strategi 'penyoalan diri' dan "ramalan". Daripada kajiannya didapati bahawa strategi penyoalan diri lebih berkesan dalam meningkatkan pemahaman pelajar.

Dengan yang demikian dapat dikatakan bahawa kajian ketiga-tiga penyelidik iaitu Block dan Peskowitz (1990), Mohammad Haron (1993) dan Tobias (1995) mempunyai ciri persamaan dari segi prosedur. Kajian Block dan Peskowitz (1990) dan Mohammad Haron (1993) lebih hampir persamaan prosedurnya berbanding dengan kajian Tobias (1995). Perbezaan bagi kajian Block dan Peskowitz (1990) dengan kajian Mohammad Haron ini adalah dari segi kemahiran tetapi prosedur meletakkan kadar keyakinan hampir sama. Walau bagaimanapun, kajian Block dan Peskowitz (1990) dan kajian Tobias (1995) ini tidak melihat perbezaan kadar keyakinan antara pelajar lelaki dengan perempuan atau variabel-variabel lain seperti kecekapan berbahasa dan status sosioekonomi atau juga pelajar bahasa pertama dan bahasa Kedua.

Dengan yang demikian kajian oleh tiga orang penyelidik ini pelajar dapat melihat sendiri keupayaan mereka berdasarkan konsep "*know what you know*" dan juga pelajar menghakim sendiri kerja-kerja kognitif mereka iaitu dengan menentukan kadar keyakinan terhadap ketepatan ejaan dan pemahaman mereka dan yang agak berbeza adalah kajian Muthusamy (1997) yang bercorak eksperimental.

Metakognitif Dalam Penulisan

Setakat ini penulis tidak menemui kajian metapenulisan lain yang relevan dengan kajian penulis selain daripada kajian oleh Kasper (1997). Kajian oleh Kasper ini adalah untuk melihat hubungan antara metakognisi dengan kecekapan menulis dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Ini bermakna sampel bagi kajian oleh Kasper ini adalah di kalangan mereka yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan mereka ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan bahasa ibunda seramai 120 orang yang merupakan pelajar kolej yang belajar Bahasa Inggeris peringkat pertengahan (ESL 09) dan peringkat lanjutan (ESL 91).

Pelajar akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang sikap mereka terhadap penulisan melalui penulisan autobiografi tentang gambaran dan penilaian pelajar tentang aspek negatif dan positif terhadap pengalaman menulis dalam bahasa Inggeris. Ini juga akan dapat menimbulkan kesedaran terhadap pengalaman dan pengetahuan pelajar terhadap penulisannya sendiri. Selain itu, sampel juga diminta menjawab soalan soal selidik untuk mengenal pasti tugas (task) iaitu sampel ditanya tentang penulisan yang baik dan strategi penulisan yang mereka guna untuk menulis dan apabila mereka menghadapi masalah penulisan.

Pada awal semester sampel diberi tugas menulis autobiografi dan pada akhir semester mereka diminta menjalani ujian akhir penulisan dan diminta juga menulis autobiografi dan menjawab soal selidik. Sampel yang gagal dalam ujian akhir dilabel sebagai "P" dan yang gagal dilabel sebagai "R" (repeat) dan perlu mengulangi kursus.

Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa min pencapaian tahap metakognisi terhadap diri (personal), tugas (task) dan strategi bagi pelajar yang lulus (P) adalah lebih tinggi bagi kedua-dua golongan pelajar iaitu ESL 09 dan ESL 91 dan jika dibandingkan antara pelajar tahap pertengahan (ESL 09) dengan pelajar tahap lanjutan (ESL 91), min

bagi pelajar tahap lanjutan adalah lebih tinggi. Ini bermakna pelajar yang baik penulisan lebih tinggi tahap pengetahuan metakognisi mereka.

Selain itu, dapanan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan dari segi pencapaian dalam penulisan antara pelajar ESL 19 dan ESL 91. Tetapi jika dibandingkan antara tahap penguasaan bahasa Inggeris iaitu pelajar tahap pertengahan (ESL 09) dan pelajar lanjutan (ESL91) dengan perkembangan tahap pengetahuan metakognisi penulisan pelajar, dapanan menunjukkan bahawa hanya terdapat kesan terhadap strategi penulisan sahaja. Dapanan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pelajar pertengahan dengan pelajar lanjutan dari segi pengetahuan metakognisi terhadap tugas dan strategi.

Walau bagaimanapun, dapanan bagi keseluruhan sampel yang telah "*dicompute*" menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang positif dan signifikan antara pengetahuan metakognisi terhadap ketiga-tiga komponen pengetahuan metakognisi iaitu diri, tugas dan strategi dengan pencapaian penulisan pelajar dalam ujian akhir. Selain itu, dapanan juga menunjukkan bahawa, terdapat korelasi antara kecekapan berbahasa dengan ketiga-tiga tahap pengetahuan metakognisi iaitu person, tugas dan strategi.

Berdasarkan penulisan autobiografi yang bertujuan untuk memberi kesedaran (awareness) atau pengetahuan metakognisi terhadap diri (personal) yang telah ditulis pada sebelum dan selepas kursus dijalankan, dapanan menunjukkan bahawa memang terdapat korelasi antara pengetahuan metakognisi terhadap diri dengan prestasi penulisan pelajar.

Kesimpulan

Daripada tinjauan kajian dapat dilihat bahawa pendekatan metakognisi adalah wajar dan mampu membentuk dan mempertingkatkan proses menulis di kalangan para pelajar. Osborne (1999) pernah menegaskan bahawa kemahiran metakognisi ini adalah kunci kepada kejayaan pelajar dan Collins (1996) pula menyatakan bahawa kemahiran metakognisi ini boleh ditingkatkan dalam diri pelajar menerusi arahan guru.